

19/03/2001

Schumi kuasai litar Sepang

SEPANG, Ahad - Juara dunia tiga kali, Michael Schumacher, dari pasukan Ferrari, mencatat kemenangan keenam berturut-turut dalam perlumbaan Formula Satu apabila menjuarai Grand Prix (GP) Petronas Malaysia di Litar F1 Sepang, hari ini.

Pemandu Jerman itu mencatat 1 jam 47 minit 34.801 saat dengan purata kelajuan 170.030 kilometer sejam untuk menamatkan 55 pusingan yang membabitkan jarak 304.865 kilometer itu.

Rakan sepasukan Schumacher, Rubens Barrichello dari Brazil, muncul naib juara, sekali gus membuktikan kehebatan Ferrari walaupun pada suatu ketika kedua-duanya tercicir di tempat ke-10 dan 11 apabila terbabas.

Barrichello mencatat kepantasan 1:47:58.461s, manakala pemandu McLaren Mercedes, David Coulthard, menduduki tempat ketiga (1:48:03.356s) pada perlumbaan yang berlangsung dalam hujan lebat pada peringkat awal pertandingan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan perlumbaan itu yang kali ketiga diadakan di sini.

Pada sidang akhbar selepas majlis penyampaian hadiah, Perdana Menteri berkata, beliau gembira dengan jumlah penonton yang membanjiri litar berkenaan.

"Kehadiran penonton adalah baik memandangkan perlumbaan ini diadakan kurang daripada enam bulan selepas perlumbaan lalu," katanya yang menolak tanggapan perlumbaan kali ini tidak mendapat sambutan, terutama daripada peminat luar negara.

Kira-kira 75,000 penonton menyaksikan perlumbaan kali ini berbanding 88,000 pada perlumbaan yang diadakan Oktober tahun lalu. Sebelum ini, media asing melaporkan perlumbaan ketiga itu akan gagal menarik penonton berdasarkan sambutan dingin tempahan awal tiket.

Dr Mahathir juga yakin kehadiran penonton pada perlumbaan musim depan yang akan diadakan setahun dari sekarang bakal menarik lebih ramai penonton, khususnya dari luar negara.

"Saya yakin orang ramai akan membina cukup minat untuk datang ke sini tahun depan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri menyifatkan perlumbaan tahun ini sebagai hebat dan luar biasa kerana pelumba terpaksa melalui cuaca panas dan hujan, satu pengalaman baru kepada pelumba F1 pada perlumbaan kali ini.

"Saya rasa ia amat menarik dan amat luar biasa kerana untuk pertama kalinya mereka dapat merasai cuaca Malaysia yang sebenarnya, siap dengan hujan ribut. Kemudian kita dapat lihat bagaimana litar kering dengan cepat. Ini satu pengalaman baru untuk mereka.

"Pada mulanya mereka mengadu mengenai cuaca panas dan saya beritahu mereka kita sudah memanggil awan untuk memberi sedikit perteduhan tetapi saya rasa kita terlalu berjaya kerana bukan saja ada awan tetapi juga hujan," katanya.

Ditanya adakah kerajaan akan memainkan peranan lebih besar untuk menggalakkan serta mempromosikan sukan seperti itu, Dr Mahathir berkata, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan berminat untuk bekerjasama dengan penganjur.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, pihak terbabit harus tampil membuat cadangan bernas kepada kerajaan.

"Kerajaan sentiasa bersedia untuk memberi sokongan dan galakan dan mungkin juga insentif, asalkan ia memberi manfaat kepada negara," katanya

sambil menambah, sektor swasta juga seharusnya memainkan peranan lebih aktif bagi mempromosikan sukan itu.

Mengenai isu siaran langsung perlumbaan hari ini, Dr Mahathir berkata, penjualan tiket yang lembab pada mulanya memaksa penganjur berusaha menggalakkan orang ramai datang ke litar.

Katanya, orang ramai kebiasaannya memilih untuk menonton menerusi televisyen secara percuma jika keputusan menyiarkan perlumbaan itu secara langsung ditetapkan lebih awal.

"Bagaimanapun, langkah itu tidak perlu kerana orang ramai akan datang juga ke sini," katanya.

(END)